

# ISI KANDUNGAN

1

**Kata Alu Aluan  
Ketua  
Setiausaha**

2

**Sekapur Sireh  
Pendaftar  
Pertubuhan**

3

**Lensa  
JPPM  
2020**

4

**Sekalung  
Penghargaan**

5

**MAKLUMAT  
KORPORAT**

- Pengenalan
- Matlamat Jabatan
- Visi, Misi, Objektif
- Logo JPPM
- Core Business
- Piagam Pelanggan JPPM
- Nilai-nilai Bersama
- Pengurusan Tertinggi
- Struktur Organisasi Jabatan
- Carta Organisasi

6

**LAPORAN  
PENCAPAIAN**

- Bahagian Pengurusan Pertubuhan
- Pengurusan Sumber Manusia
- Penguatkuasaan ke atas Pertubuhan
- Pengurusan Teknologi Maklumat

7

**NUKILAN  
JABATAN**

8

**SUDUT SUKAN,  
REKREASI DAN  
KESIHATAN**

9

**NORMA  
BAHARU**

## KATA ALU ALUAN KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadiran Illahi kerana atas limpah kurniaNya saya dapat melakarkan ucapan alu-aluan bagi Laporan Tahunan 2020 JPPM. Tahniah diucapkan kepada warga JPPM yang terlibat dalam penerbitan laporan ini. Semoga ianya memberi manfaat dan membuka peluang menambah pengetahuan para pembaca untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan JPPM. Penerbitan laporan ini sedikit sebanyak dapat mempromosikan segala program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh JPPM kepada warga KDN khususnya dan masyarakat umum amnya.

Negara sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks dan baharu pada era teknologi tinggi ini. Syabas dan tahniah kepada semua warga JPPM yang memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan JPPM telah membuktikan komitmen dan kesungguhan warga JPPM secara holistik dalam memastikan semua perancangan program dan aktiviti di bawah JPPM dapat dilaksanakan. Ini menunjukkan bahawa warga JPPM begitu versatile dan berkemampuan untuk melaksanakan pelbagai tugas walaupun pada pandemik COVID-19.

Kejayaan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan sudah pasti memerlukan sokongan dan dorongan semua pihak termasuklah sokongan daripada masyarakat dan pertubuhan secara keseluruhan. Sesungguhnya kejayaan utama ini diperoleh dari hasil usaha berpasukan yang tinggi di pelbagai peringkat jentera pengurusan serta pelaksana.

Akhir kata, semoga JPPM dapat terus memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan bagi memastikan JPPM terus relevan pada setiap detik perubahan semasa dengan cabaran lanskap masyarakat yang lebih berfikir terbuka dan berpengetahuan yang pastinya boleh mengundang ancaman dan provokasi yang mampu menggugat ketenteraman awam.

Sekian, Wassalam.

**DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

## SEKAPUR SIREH PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah kerana dengan izinNya Laporan Tahunan 2020 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dapat diterbitkan. Penerbitan ini adalah kombinasi informasi dan pencapaian penting JPPM sepanjang Tahun 2020.

Tahun 2020 penuh dengan cabaran getir yang terpaksa diharungi. Namun begitu, ia bukan penghalang untuk JPPM terus memacu kemajuan pembangunan Jabatan.

Cabaran-cabaran yang kita tempuhi seharusnya menjadikan kita lebih matang dan dapat memotivasikan setiap daripada kita untuk menghadapi tahun akan datang. Dalam menghadapi cabaran COVID-19.

Walaupun tahun 2020 ini penuh dengan pelbagai dugaan, sebenarnya banyak juga kejayaan yang telah JPPM kecapai. Di sebalik pelbagai cabaran akibat pandemik COVID-19 ini, pelbagai langkah proaktif dan inovatif telah dilaksanakan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan JPPM terancang dan teratur. Bagi memastikan JPPM terus menjadi Jabatan yang strategik dalam menyumbang kearah pencapaian matlamat keselamatan negara, maka Pelan Strategik JPPM 2021-2025 telah siap dirangka. Penetapan beberapa lonjakan dan strategi serta sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara.

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) JPPM 2021-2025 juga merupakan pencapaian JPPM pada tahun lepas. Selaras dengan aspirasi nasional ini, setiap warga JPPM perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti.

JPPM bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan telah mewujudkan tujuh strategi bagi menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 secara menyeluruh serta merangkumi fungsi dan tugas JPPM. Inisiatif *Society Empowerment* yang ditetapkan dalam pelan strategik juga akan diperkasakan bagi menjadikan pertubuhan di negara ini sebagai Third Executive Arm dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat selepas sektor kerajaan dan swasta.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah bagi segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua lapisan warga JPPM atas kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2020. Semoga momentum kejayaan ini dapat diteruskan dengan perancangan dan pelaksanaan yang lebih teliti pada tahun yang akan datang.

Sekian, Wassalam.

**"DARI PERTUBUHAN KEPADA MASYARAKAT"**

MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

AMANAT KETUA PENGARAH





## PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS TAHUN 2021



## KUNJUNGAN HORMAT KETUA PENGARAH JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA





## SINARAN RAMADAN



## MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH TAHUN 2019 & SUKU TAHUN PERTAMA & KEDUA TAHUN 2020





## PERSIDANGAN PENOLONG PENDAFTAR





## SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN 2020





## PROGRAM ROS\_CARE





# MAKLUMAT KORPORAT





## PENGENALAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah **"Peluang Untuk Kebajikan"** atau **"Reverence Of Sharing"**.

## AKTA PERTUBUHAN 1966

Akta pertubuhan 1966 (Akta 335) adalah hasil percantuman tiga ordinan yang berlainan sebelum ia diluluskan, iaitu **Ordinan 1949** untuk Persekutuan Tanah Melayu, **Ordinan Pertubuhan 1957** bagi negeri Sarawak dan **Ordinan Pertubuhan 1961** bagi negeri Sabah.

Akibat daripada Akta Pertubuhan 1966 itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia telah diwujudkan dalam tahun 1966 untuk menguatkuasakan akta tersebut berikutan pemisahan fungsi kawal selia pertubuhan daripada pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Jabatan ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia pada ketika itu, yang mana kini dikenali dengan nama Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di bawah seksyen 2 akta ini, sesuatu 'pertubuhan' ditakrif sebagai termasuk mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan dengan tujuh (7) atau lebih orang tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal.

## MATLAMAT JABATAN

Matlamat Jabatan ini ialah untuk menentukan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan yang sihat serta teratur dan tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam atau akhlak.

## VISI, MISI DAN OBJEKTIF

### VISI

Peneraju pembangunan masyarakat sivil.

### MISI

Mentransformasi pertubuhan ke arah masyarakat sivil yang dinamik dan responsif.

### MISI


Memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara.





# BUSINESS PROCESS

## Proses-proses Teras (*Core Processes*)





# LOGO JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



Melambangkan penyatuan masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama



Selain itu, ia membentuk bunga yang mempunyai 5 kelopak melambangkan 5 rukun negara



Melambangkan kebebasan dalam memupuk kelompok masyarakat



Melambangkan penguatkuasaan undang-undang yang harus ditepati oleh setiap badan atau pertubuhan



**Biru** melambangkan dedikasi sepertimana JPPM berusaha membangunkan pertubuhan yang baru



**Turquoise** melambangkan pertubuhan lestari yang bernaung di bawah JPPM



**Kuning** melambangkan kecermelangan dan menuju kemajuan



**Merah** melambangkan semangat JPPM yang waja, Berani dalam menerajui pembangunan pertubuhan



**Putih** melambangkan keikhlasan pihak JPPM dalam melaksanakan tanggungjawab dalam memupuk masyarakat yang harmoni

## SKEMA WARNA



## PIAGAM PELANGGAN JPPM



## NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pemantapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada Stakeholders. Kod Etika Jabatan mengandungi empat (4) prinsip utama seperti berikut:

### i. Profesionalisme

Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.

### ii. Bekerja sebagai satu pasukan

Bekerja kearah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.

### iii. Berorientasikan perkhidmatan

Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera (*sense of urgency*) dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan



## PENGURUSAN TERTINGGI



1. **MASYATI BINTI ABANG IBRAHIM**  
KETUA PENGARAH
2. **WAN ZAINUL AZAM BIN KHAMID @ ABDUL MAJID**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH
3. **ZARIFAH BINTI ZULGHAFAR**  
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
4. **ARIS BIN ABDUL RAHMAN**  
PENGARAH  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN  
KHIDMAT PENGURUSAN
5. **MOHD REJAB BIN RAMLI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN  
PERTUBUHAN
6. **ASP SHAFIEE BIN MARSIDI**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
7. **AZHAR BIN MOHD ARIS**  
PENGARAH  
BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT





## PENGARAH - PENGARAH NEGERI

1. **MOHD MUFSI BIN LAT**  
JPPM NEGERI TERENGGANU
2. **MOHAMAD FITRI BIN MD ALI @ HASHIM**  
JPPM NEGERI JOHOR
3. **DALILA DIYANA BINTI MAT ZAID**  
JPPM NEGERI KELANTAN
4. **MOHAMAD AZHAR BIN FADZIYA**  
JPPM NEGERI KEDAH
5. **NURUL AZHAR BIN HUSIN**  
JPPM NEGERI SELANGOR
6. **OH SIOW LEE**  
JPPM NEGERI PULAU PINANG
7. **NELBON TULIS MISSUN**  
JPPM NEGERI SABAH
8. **GEORGINA APHHIA NGAU**  
JPPM NEGERI SARAWAK
9. **NURULHUDA BINTI MOHD AKOB**  
JPPM NEGERI PERAK
10. **SYED DZULKIFLI BIN SYED MOHAMMAD**  
JPPM NEGERI PAHANG
11. **NIK EYLIA SOFIA BINTI NIK ABD AZIZ**  
JPPM NEGERI WPKL
12. **MOHD KHALIL BIN MOHD HASHIM**  
JPPM NEGERI PERLIS
13. **NOOR AZFAR AKMAL BIN BAHARA**  
JPPM NEGERI SEMBILAN
14. **NURHAFIDAH BINTI ALI**  
JPPM NEGERI MELAKA

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia beribu pejabat di Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan. Jumlah semasa perjawatan Jabatan adalah sebanyak 267. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 23 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 244 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan.

### 1. PERINGKAT IBU PEJABAT

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat (4) bahagian, iaitu bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut :

#### 1.1. BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pertubuhan dan pemantauan pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Selain mempertimbangkan permohonan bergerak sementara, permohonan pindaan undang-undang, pelantikan pegawai harta dan pegawai awam, mengeluarkan surat-surat perintah pembatalan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memproses permohonan rayuan berkaitan penolakan atau pembatalan keatas pendaftaran pertubuhan untuk dikemukakan kepada Kementerian bagi pertimbangan Y.B. Menteri Dalam Negeri.

#### 1.2. BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai urusan pemeriksaan, siasatan aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan, pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Perlembagaan Pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara. Bahagian ini bekerjasama dengan Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri dalam tugas-tugas pemeriksaan dan siasatan ke atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar di negeri berkenaan.

#### 1.3. BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun dan menyelenggara segala sistem maklumat berkomputer dan elemen berkaitan ICT Jabatan bagi memenuhi keperluan semasa. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat terbahagi kepada tiga cawangan iaitu Cawangan Analisis, Cawangan Teknikal dan Cawangan Dasar ICT.

#### 1.4. BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pengurusan Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan, perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

## 2. PERINGKAT JPPM NEGERI

Pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JPPM Negeri adalah sama seperti tanggungjawab di Ibu Pejabat, iaitu menerima, memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan kecuali menyemak permohonan bai kategori politik, perdagangan, antarabangsa, agama dan lain-lain pertubuhan di peringkat nasional. Struktur JPPM Negeri terbahagi kepada empat (4) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Pertubuhan, Cawangan Kawalan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Tugas dan tanggungjawab setiap cawangan adalah seperti berikut :

### 2.1 CAWANGAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Cawangan ini bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, bergerak sementara, pindaan undang-undang, pertukaran nama pertubuhan dan alamat berdaftar, pendaftaran pegawai harta dan pegawai awam. Cawangan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pertubuhan.

### 2.2 CAWANGAN KAWALAN

Cawangan ini bertanggungjawab menerima, memantau dan menyemak Penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan induk dan cawangan. Melalui semakan Penyata Tahunan, cawangan ini akan memastikan pengurusan kewangan pertubuhan adalah teratur, kepentingan dan hak-hak ahli terjamin. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 13(2), 14(2) dan 14(5) serta mengesyorkan pembatalan sesebuah pertubuhan yang gagal mematuhi kehendak notis-notis yang dikeluarkan.


### 2.3 CAWANGAN PENGUATKUASAAN

Cawangan Penguatkuasaan bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan ke atas pertubuhan berdaftar secara bernotis atau tanpa notis. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima sama ada yang melanggar peruntukan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan serta melakukan risikan ke atas pertubuhan tidak berdaftar yang diyakini bergerak aktif.


### 2.4 CAWANGAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Cawangan ini bertanggungjawab mengenai pengurusan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti serta keselamatan. Selain itu, cawangan ini turut berfungsi dalam mengawal perbelanjaan dan kutipan hasil Jabatan di peringkat negeri.

## CARTA ORGANISASI JPPM



# JUMLAH PENDAFTARAN PERTUBUHAN BAHARU TAHUN 2020





# LAPORAN PENCAPAIAN



## 1. PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan (BSMKP) bertanggungjawab dalam menguruskan aspek sumber manusia, kewangan dan khidmat pengurusan jabatan. Modal insan merupakan aspek penting kepada kejayaan organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan bidang tugas dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan sentiasa relevan serta menepati keperluan dan kehendak semasa pelanggan.

### 1.1 PERJAWATAN

Struktur perjawatan Jabatan terbahagi kepada dua, iaitu perjawatan di peringkat Ibu Pejabat dan peringkat Negeri. Jawatan tertinggi di Jabatan adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred JUSA C dengan gelaran Ketua Pengarah/ Pendaftar Pertubuhan Malaysia serta dibantu oleh seorang PTD Gred M54 dengan gelaran Timbalan Ketua Pengarah/ Timbalan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Pejabat-Pejabat JPPM Negeri diketuai oleh seorang Pengarah daripada skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 dan Gred M44 (bagi Negeri Melaka, Perlis dan Negeri Sembilan). Jumlah keseluruhan perjawatan adalah sebanyak 267 jawatan meliputi satu (1) jawatan Pengurusan Tertinggi, 30 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 236 jawatan Kumpulan Sokongan. Kedudukan perjawatan dan pengisian bagi semua kumpulan sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1	Pengurusan Tertinggi	1
2	Pengurusan dan Profesional	30
3	Sokongan	236
	<b>Jumlah</b>	<b>267</b>

### 1.2 PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam meningkatkan pembangunan kapasiti modal insan, JPPM melaksanakan program pembangunan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Program pembangunan kapasiti bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JPPM dalam pengurusan pertubuhan, pengurusan

kewangan, pengurusan perolehan, pengurusan teknologi maklumat serta bidang lain yang berkaitan. Program Pembangunan Kapasiti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	TAJUK KURSUS	TEMPAT	TARIKH
1	Kursus Pengurusan Kewangan Bil.1/2020 (Bengkel Anggaran Belanja Mengurus 2021)	CREATE JKR, NEGERI SEMBILAN	14-16 Februari 2020
2	Kursus Siasatan Penolong Pendaftar Bil.1/2020	TERENGGANU	17-19 Februari 2020
3	Taklimat MS ISO 9001:2015	IBU PEJABAT	20-21 Februari 2020
4	Latihan ROS Web Application Firewall (WAF)	IBU PEJABAT	03 Mac 2020
5	Latihan ePayment	IBU PEJABAT	21 April 2020
6	Taklimat Mendepani Cabaran IR 4.0	IBU PEJABAT	29 Jun 2020
7	Kursus Pemahaman Akta Pertubuhan 1966 Bil.1 Tahun 2020	IBU PEJABAT	6 & 9 Julai 2020
8	Bengkel Brainstorming Pelan Strategik 2021-2025 Siri 1 Ibu Pejabat JPPM	BENTONG, PAHANG	10-11 Julai 2020
9	Bengkel Pelan Strategik 2021-2025 JPPM Siri 1	JPPM TERENGGANU	20-24 Julai 2020
10	Latihan eXcess	IBU PEJABAT	28 Julai 2020
11	Bengkel Semakan Semula SKT 2020 Ibu Pejabat JPPM	SHAH ALAM, SELANGOR	6 Ogos 2020
12	Kursus Induksi Siri 1/2020	IBU PEJABAT	11 Ogos 2020
13	Bengkel Brainstorming Pelan Strategik 2021-2025 Siri 2 Ibu Pejabat JPPM	ULU SELANGOR, SELANGOR	12-13 Ogos 2020
14	Persidangan Penolong Pendaftar Bil.2 Tahun 2020	KUALA LUMPUR	26-28 September 2020
15	Sesi Engagement Agensi Kewangan dan Seksyen Kewangan JPPM	KUALA LUMPUR	3-4 September 2020
16	Kursus Yii Framework	IBU PEJABAT	21-23 September 2020
17	Kursus Siasatan Penguatkuasaan JPPM	JPPM PAHANG	22-24 September 2020
18	Kursus Hands on Training eROSES JPPM	IBU PEJABAT	29-30 September 2020
19	Kursus HTML/CSS/Javascript	IBU PEJABAT	6-8 Oktober 2020
20	Kursus Pengurusan Fail Dan Rekod	MERSING, JOHOR	6-8 Oktober 2020
21	Kursus Pemandu Jabatan	MERSING, JOHOR	13-15 Oktober 2020
22	Kejohanan SUKROS 2020	AADK, SG. MERAB	16-18 Oktober 2020
23	Latihan Intranet JPPM	IBU PEJABAT	4-5 November 2020

**BENKEL PENYEDIAAN ANGGARAN  
BELANJA MENGURUS TAHUN 2021**



**SESI ENGAGEMENT KETUA PENGARAH JPPM BERSAMA BAHAGIAN  
AUDIT DALAM DAN BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN DALAM NEGERI**



**KURSUS SIASATAN PENOLONG PENDAFTAR**






### 1.3 PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan JPPM dilaksanakan dengan cekap dan teratur berlandaskan pekeling dan peraturan yang berkuatkuasa. JPPM juga sentiasa menekankan aspek pengukuhan modal insan, pengurusan kompetensi dan pematapan integriti di kalangan warga JPPM.

Pada tahun 2020, peruntukan perbelanjaan mengurus JPPM adalah berjumlah **RM22,097,533.58**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM20,269,210.16** atau 91.73% telah dibelanjakan. Peruntukan tersebut adalah digunakan untuk urusan pengoperasian jabatan meliputi pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2020 seperti pembayaran emolumen kakitangan, penganjuran mesyuarat, program rasmi jabatan, #ros\_care, persidangan, bengkel, kursus dan latihan.

### 1.4 PENGURUSAN MAKLUM BALAS PELANGGAN DAN ADUAN

Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) diwujudkan bagi memantapkan pengurusan dan pemantauan aduan sektor awam. Sistem online ini membantu ke arah pengurusan aduan yang lebih efisien kerana pemantauan boleh dibuat secara real time dan pengadu boleh mengetahui status tindakan yang diambil ke atas aduan yang dibuat 24 jam sehari tanpa perlu hadir ke pejabat JPPM. SiSPAA turut berfungsi sebagai satu pangkalan data yang mempunyai maklumat aduan yang lengkap, tepat, selamat, berintegriti dan mudah dicapai.



Sebanyak 312 aduan yang diterima sepanjang bulan Januari hingga Disember tahun 2020. Jadual menunjukkan bahawa aduan terendah diterima pada bulan April iaitu sebanyak 10 aduan manakala aduan terbanyak diterima adalah pada bulan November iaitu 34 aduan. Namun begitu, JPPM telah menyelesaikan kesemua aduan dengan jayanya pada masa yang ditetapkan iaitu dalam tempoh lima hari bekerja berdasarkan piagam pelanggan Jabatan.

## PENGENALAN BAHAGIAN

Merupakan bahagian utama yang menguruskan core business Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Bahagian ini bertanggungjawab bagi menguruskan pengurusan pertubuhan secara keseluruhannya termasuklah pengurusan parti politik, penetapan dasar-dasar Jabatan dan Non-Profit Organization (NPO), Peraturan-Peraturan Pertubuhan, Pengurusan Aduan serta Standard Operating Procedure (SOP) bagi NPO di seluruh negara.

Bahagian ini juga berfungsi sebagai penyelaras bagi semua aktiviti “core business” yang dilaksanakan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri (JPPN) bagi mengelakkan ketidakseragaman proses antara 14 buah cawangan tersebut.

### 1. Sistem eROSES

- 1.1 Diperkenalkan pada tahun 2012 dan merupakan sistem penyampaian perkhidmatan utama JPPM. Sistem ini digunakan bagi tujuan pengurusan pertubuhan NPO seperti pendaftaran pertubuhan, penghantaran Penyata Tahunan, penubuhan cawangan, pindaan perlembagaan, pengemaskinian maklumat AJK dan sebagainya.
- 1.2 Hasil daripada pembangunan sistem ini, satu pangkalan data pertubuhan yang berpusat dan pemantuan menyeluruh dan berkesan dapat dilaksanakan.
- 1.3 Sistem ini digunakan oleh Assessor dari Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) untuk menilai tahap kawalan Kerajaan Malaysia ke atas NPO dalam menangani/mengawal aktiviti Money Laundering/Financial Terrorism.
- 1.4 Sistem eROSES juga telah membantu meningkatkan keupayaan JPPM dalam melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan/pematuhan ke atas pertubuhan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.
- 1.5 Pada tahun 2020, Jabatan telah merangka satu strategi untuk mengukuhkan lagi platform sistem eROSES sedia ada supaya lebih efisien dan sofistikated dalam membantu JPPM mengawal selia NPO di seluruh negara serta menyediakan pangkalan data pertubuhan yang terkini, selamat (secure) dan berintegriti dengan pelaksanaan Non-Profit Organization Financial Environment Management (NPOFEM) sebagai fokus utama pembangunan sistem tersebut.
- 1.6 Jabatan akan melaksanakan proses pembangunan sistem eROSES baharu ini selaras dengan perancangan yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik JPPM 2021-2025.
- 1.7 Malah, dengan adanya sistem eROSES baharu tersebut, Jabatan berupaya untuk menyediakan data dan maklumat pertubuhan yang lebih tepat, dikemaskini, serta mudah diakses selaras dengan perkembangan teknologi terkini. Ia sekaligus dapat menyediakan asas yang kukuh kepada Jabatan/Agensi penguatkuasaan yang lain untuk mendapatkan maklumat lebih sahih dan berintegriti.

## 2. Key Performance Indicator (KPI)

- 2.1 Pada tahun 2016 sehingga kini, Jabatan telah memperkenalkan elemen penguatkuasaan ke atas pertubuhan dengan melaksanakan pemeriksaan pertubuhan sebagai KPI. Statistik pemeriksaan terhadap pertubuhan berkaitan bagi tahun 2020 adalah seperti **Jadual 1**.

PERKARA	TAHUN 2020
Pertubuhan Keagamaan	244
Pertubuhan Kebajikan	305
Pertubuhan Rekreasi	236
<b>JUMLAH</b>	<b>785</b>

Jadual 1: Statistik pemeriksaan pertubuhan pada 2020

- 2.2 Untuk tahun 2020, KPI Jabatan telah menetapkan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah pertubuhan diperiksa dan perlu mematuhi Akta Pertubuhan 1966. KPI tersebut merupakan KPI hybrid di mana elemen pemantuan dan elemen pendidikan digabungkan dengan tujuan mewujudkan pertubuhan yang lebih berkualiti. Selain itu, pemeriksaan terhadap penerima geran juga perlu dilaksanakan bagi tujuan melihat keberkesanan pemberian inisiatif tersebut.
- 2.3 Manakala, pada tahun 2019, JPPM telah memperkenalkan konsep *ros\_care* dalam pelaksanaan program / outreach bersama pertubuhan bagi tujuan mewujudkan jalinan kerjasama dengan pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM serta memberikan khidmat nasihat dan kefahaman berkaitan pengurusan pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 termasuklah perlembagaan yang diwujudkan oleh sesebuah pertubuhan. Statistik *ros\_care* dalam pelaksanaan program / outreach untuk tahun 2017 sehingga 2020 adalah seperti di **Jadual 2**.

PERKARA	BIL. OUTREACH
Tahun 2017	337
Tahun 2018	262
Tahun 2019	262
Tahun 2020	330
<b>JUMLAH</b>	<b>1,191</b>

Jadual 2 : Statistik Program Outreach untuk tahun 2017 sehingga 2020



### 3. Statistik Pertubuhan

#### 3.1 Jumlah permohonan pertubuhan mengikut negeri

Sepanjang tahun 2020, JPPM telah meluluskan sebanyak 6451 permohonan pertubuhan daripada jumlah keseluruhan. Empat JPPM Negeri yang mencatatkan jumlah persatuan berdaftar yang paling tinggi iaitu JPPM Negeri Selangor iaitu mencatatkan sejumlah 1768 persatuan. Sebanyak 6920 permohonan daripada jumlah keseluruhan telah ditolak pada tahun 2020 di atas beberapa syarat yang tidak dipenuhi sepanjang proses permohonan.

NEGERI	MOHON	LULUS	TOLAK
Johor	1408	552	856
Kedah	802	222	580
Kelantan	637	286	351
Melaka	416	251	165
Negeri Sembilan	640	433	207
Pahang	500	316	184
Pulau Pinang	652	308	344
Perak	1140	566	574
Perlis	109	75	34
Selangor	3755	1786	1969
Terengganu	442	385	57
Sabah	851	398	453
Sarawak	462	223	239
Kuala Lumpur	1530	567	963
Labuan	22	11	11
Putrajaya	150	72	78
<b>JUMLAH</b>	<b>13516</b>	<b>6451</b>	<b>7065</b>

Jadual 4: Statistik keseluruhan permohonan baru pertubuhan tahun 2020



### 3.2 Jumlah Pertubuhan Berdaftar dari tahun 2017-2020

Statistik pertubuhan berdaftar bagi Induk dan Cawangan dari tahun 2017 sehingga tahun 2020 seperti di **Jadual 5**.

TAHUN	INDUK	CAWANGAN	JUMLAH
Sehingga 2017	65,108	63,591	128,699
Sehingga 2018	72,533	69,714	142,247
Sehingga 2019	78,158	63,058	141,216
Sehingga 2020	80,586	85,743	166,329

Jadual 5: Statistik Pertubuhan Berdaftar dari 2017 sehingga 2020



NEGERI	KATEGORI	JOHOR	KEDAH	KELANTAN	MELAKA	N. SEMBILAN	PAHANG	P. PINANG	PERAK	PERLIS	SELANGOR	TERENGGANU	SABAH	SARAWAK	WP KUALA LUMPUR	WP LABUAN	WP PUTRAJAYA	JUMLAH
		Pendaftaran Parti Politik hanya di Ibu Pejabat JPPM																65
	Faedah Bersama (Khairat Kematian)	144	317	52	113	133	140	106	291	33	133	69	52	34	68	0	3	1688
	Hak Asasi	76	35	15	25	23	25	30	110	6	245	12	82	36	107	1	4	832
	Ikhtisas	29	48	23	86	31	13	98	103	8	321	15	40	60	217	2	21	1115
	Keagamaan	2695	463	76	446	515	375	1737	1594	40	2757	40	311	534	1087	19	7	12696
	Kebajikan	2565	1135	1076	748	1273	1368	1521	2235	192	5805	911	1549	1287	3452	90	286	25493
	Kebudayaan Dan Kesenian	523	150	92	135	126	185	274	274	29	725	89	379	357	520	15	22	3895
	Keselamatan	72	54	19	4	34	43	57	76	9	115	20	56	41	40	5	3	648
	Perdagangan	683	217	104	151	161	198	320	281	32	1237	110	722	317	1057	27	30	5647
	Rekreasi	1059	241	147	187	351	412	482	542	62	1867	188	933	967	1069	66	94	8667
	Sosial	2160	860	471	715	897	821	1217	1398	144	5705	361	1299	997	2560	36	199	19840
	<b>JUMLAH</b>	<b>10006</b>	<b>3520</b>	<b>2076</b>	<b>2610</b>	<b>3545</b>	<b>3580</b>	<b>5846</b>	<b>6904</b>	<b>555</b>	<b>18921</b>	<b>1815</b>	<b>5444</b>	<b>4643</b>	<b>10191</b>	<b>261</b>	<b>669</b>	<b>80586</b>

Jadual 6: Statistik Pertubuhan Induk Berdaftar Tahun 2020





### 3.3 Permohonan Rayuan di bawah Seksyen 18, Akta Pertubuhan 1966 bagi Tahun 2020

Sepanjang tahun 2020, penerimaan rayuan adalah sebanyak 332 rayuan. Terdapat dua jenis penerimaan rayuan iaitu secara manual dan atas talian melalui sistem eROSES. Penerimaan permohonan rayuan secara manual bagi tahun 2020 melalui JPPM Negeri adalah sebanyak 164. Manakala, secara atas talian sebanyak 168 rayuan sahaja.


PERKARA	2020		JUMLAH 2020
	MANUAL	ONLINE	
Bil. Permohonan Rayuan	164	168	332
Lulus	45	0	45
Tolak	21	0	21
Belum Ada Keputusan	98	127	225
Dalam Proses	0	41	41
*Tarik Balik Rayuan	0	0	0
*Permohonan Tidak Lengkap	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>328</b>	<b>336</b>	<b>664</b>

Jadual 8: Statistik Permohonan Rayuan Pertubuhan bagi Tahun 2020



### 3.4 Penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan bagi tahun 2020 di bawah Seksyen 14(1), Akta Pertubuhan 1966

Graf di bawah menunjukkan statistik penerimaan penyata tahunan pertubuhan sepanjang tahun 2020 mengikut negeri dimana 3 buah negeri mencatat jumlah tertinggi iaitu Selangor sejumlah 6,505 diikuti dengan negeri WPKL sebanyak 5,113 dan Johor dengan 4,772. Jumlah keseluruhan yang diterima bagi kesemua negeri adalah sebanyak 35,315 penyata tahunan pertubuhan.



Jadual 9: Statistik Penerimaan Penyata Tahunan Pertubuhan bagi Tahun 2020



## 4. Pindaan Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]

- 4.1 Pada tahun 2020, satu Mesyuarat Penyelarasan Akta Pertubuhan 1966 telah diadakan bersama-sama dengan pihak Bahagian Pengurusan Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, Penasihat Undang-Undang, Kementerian Dalam Negeri dan pengarah-pengarah negeri di Hotel Concorde Shah Alam untuk menghasilkan draf cadangan bagi pindaan Akta 335 yang kali terakhir disemak pada tahun 1998.
- 4.2 Bagi memastikan kelancaran proses pindaan, satu Jawatankuasa Pemerksaan Akta Pertubuhan (JPAP) telah diwujudkan yang diketuai oleh Encik Mohd Fitri Bin Md Ali @ Hashim, Pengarah JPPM Negeri Johor dan dibantu oleh Penasihat Undang-Undang JPPM, Puan Zarifah Binti Zulghaffar pada bulan September 2020.
- 4.3 Pindaan akta ini akan melibatkan kementerian luar seperti Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan, Kementerian Dalam Negeri, Penasihat Undang-Undang, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara (AGC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) bagi membolehkan jabatan menjalankan tugas-tugas dengan lebih holistik dan mengamalkan berketenterangan.
- 4.4 Sepanjang tahun 2020 ini, sebanyak empat sesi brainstorming diadakan bersama ahli JPAP dan dua kali Mesyuarat Penyelarasan Pemerksaan Akta Pertubuhan 1966 yang telah diadakan bersama YBrs. Puan Ketua Pengarah JPPM untuk membincangkan hasil dapatan dari sesi brainstorming. Mesyuarat terakhir adalah pada 6 Oktober 2020 dan mesyuarat lanjutan yang sepatutnya diadakan pada 22-24 Oktober di Pulau Tinggi, Johor namun ditangguhkan berikutan pelaksanaan PKPB.
- 4.5 Pelaksanaan pindaan Akta 335 ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2021 selaras dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025.

## 5. Sub-Committee on Non-Profit Organisation Sector (SCONPO)

- 5.1 SCONPO merupakan salah satu daripada sembilan jawatankuasa yang dibentuk di bawah National Coordination Committee (NCC) yang dikoordinasikan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) bagi pihak kerajaan Malaysia yang menganggotai Asia Pacific Group on Money Laundering and Terrorism Financing dan Financial Action Task Force (FATF) yang ditubuhkan di bawah United Nation (UN).
- 5.2 Terdiri daripada empat Jabatan atau Agensi yang menjalankan fungsi mengawal selia pertubuhan atau Non-Profit Organization (NPO) yang utama di Malaysia iaitu:
  - a) Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN);
  - b) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
  - c) Labuan Financial Services Authority (LFSA), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF); dan
  - d) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).



- 5.3 SCONPO mempunyai Terms of Reference (TOR) yang berfungsi sebagai panduan dan komitmen ahli-ahli SCONPO dalam berusaha menangani ancaman penyalahgunaan NPO sebagai alat pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan [Anti Money Laundering and Counter Terrorism Financing (AML/CTF)] oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang selaras dengan FATF Recommendation.
- 5.4 Pada tahun sesi 2018/2020, SCONPO diselia oleh pihak BHEUU. Satu bengkel Updates on Terrorism Financing Red Flags Indicators & Good Governance Practices for NPO Sector telah dilaksanakan pada 30 Oktober 2019 di Labuan dengan kerjasama pihak LFSA.
- 5.5 Selain itu, SCONPO dengan penyeliaan oleh pihak BNM telah mengadakan kerjasama dengan pihak Cawangan Khas secara rasmi dan kolektif sebagai satu pihak yang bersama-sama memerangi ancaman AML/CTF di kalangan NPO. Kerjasama dan perkongsian maklumat berkaitan AML/CTF di kalangan pengawal selia NPO dan pihak Cawangan Khas juga merupakan satu langkah ke hadapan dalam membanteras isu tersebut.
- 5.6 JPPM juga merupakan ahli Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) dimana tujuan persidangan ini diadakan adalah untuk membentangkan hasil kajian transaksi-transaksi dana yang berlaku dalam negara serta mengenal pasti negara yang red flag supaya tindakan pemantauan dan kawal selia dapat dirancang dengan lebih teliti dan menyeluruh.
- 5.7 Perancangan untuk mengadakan mesyuarat tahunan APG ke-23 di Bangladesh pada 19 hingga 24 Julai 2020 ditunda disebabkan pandemik COVID-19.

## 6 Portal MySociety

- 6.1 Jabatan juga telah mewujudkan satu platform yang dikenali sebagai mySociety bagi tujuan memperkasakan pertubuhan di bawah inisiatif Society Empowerment yang bertujuan memperkasakan peranan pertubuhan yang berdaftar di bawah JPPM.
- 6.2 Di samping itu, platform ini membantu pertubuhan untuk mempromosikan organisasi pertubuhan dengan menggunakan teknologi media selain mempraktikkan konsep digitalisasi dalam portal ini bagi membantu mendidik masyarakat mengenai tatacara pengurusan pertubuhan yang cemerlang.




## 3. PEMERIKSAAN DAN PENGUATKUASAAN

JPPM bertanggungjawab bagi memantau pertubuhan / persatuan yang berdaftar bertujuan memastikan pertubuhan.

### 3.1 Pemeriksaan dan Penguatkuasaan ke atas pertubuhan / persatuan


Bermula daripada tempoh Januari hingga Disember 2020 pemeriksaan ke atas pertubuhan dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanaan pemeriksaan tertinggi bagi keseluruhan JPPM negeri ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak 304 pemeriksaan pertubuhan. Keseluruhan jumlah pemeriksaan bagi sepanjang tahun 2020 mengikut pemeriksaan adalah seperti di **Jadual 1** di bawah.



### 3.2 Pemeriksaan Pertubuhan/persatuan mengikut kategori-kategori tertentu

JPPM Negeri Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Pahang masing-masing mencatatkan pemeriksaan tertinggi bagi kategori Keagamaan. Bagi Kategori Persatuan Penduduk pula, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan jumlah pemeriksaan yang tertinggi sebanyak 214 pemeriksaan. Keseluruhan statistik pemeriksaan mengikut pecahan kategori adalah seperti di **jadual 2**.

**JADUAL 2: KATEGORI MENGIKUT NEGERI**




	Kebajikan	Keagamaan	Rekreasi	Persatuan Penduduk	Lain-lain
PULAU PINANG	22	28	16	6	12
NEGERI SEMBILAN	28	23	25	0	0
KUALA LUMPUR	28	28	25	214	9
TERENGGANU	20	3	1	72	10
PERLIS	28	23	23	21	11
SARAWAK	24	24	24	5	0
KEDAH	24	24	24	0	0
PAHANG	25	28	25	0	0
SELANGOR	31	9	17	13	1
KELANTAN	19	19	15	55	0
SABAH	18	7	8	6	16
MELAKA	26	21	20	6	1
PERAK	25	23	21	0	0
JOHOR	10	14	0	1	0

- PULAU PINANG
- NEGERI SEMBILAN
- KUALA LUMPUR
- TERENGGANU
- PERLIS
- SARAWAK
- KEDAH
- PAHANG
- SELANGOR
- KELANTAN
- SABAH
- MELAKA
- PERAK
- JOHOR


### 3.3 Laporan Kertas Siasatan Aduan Bagi Tahun 2020

Sepanjang tempoh 2020, negeri yang mencatatkan jumlah kertas siasatan aduan (KSA) dibuka paling tinggi ialah negeri Selangor iaitu 68 Kertas Siasatan Aduan. **Jadual 3** menunjukkan jumlah Kertas Siasatan Aduan (KSA) yang dibuka mengikut pecahan setiap negeri.



### 3.4 Penguatkuasaan di bawah Akta Pertubuhan 1966

Pemeriksaan ke atas pertubuhan dilaksanakan meliputi pemeriksaan bernotis dibawah Seksyen 63 Akta Pertubuhan 1966, pemeriksaan tanpa notis di bawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966. Namun kaedah paling banyak yang dilaksanakan ialah melalui pemeriksaan bernotis, berikut adalah jumlah keseluruhan pemeriksaan bagi tahun 2020 seterusnya jumlah aduan yang di terima dan Kertas Siasatan Aduan (KSA) yang dibuka pada tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 4** di bawah.





### 3.5 PEMERIKSAAN BERNOTIS / TANPA NOTIS DAN SIASATAN



Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) merupakan bahagian yang berfungsi menjadikan ICT sebagai pemacu di dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di JPPM. Fungsi utama BPTM adalah untuk memastikan pengurusan peralatan dan sistem-sistem ICT dilaksanakan dengan cekap dan efisien. BPTM bekerjasama rapat dengan semua bahagian termasuk di JPPM Negeri dalam membangun dan menyelenggara sistem agar menepati kehendak dan fungsi masing-masing serta memberikan perkhidmatan teknikal ICT yang terbaik bagi membantu meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

## 1. UNIT DI BAWAH BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### 1.1 UNIT KERAJAAN DIGITAL

Fungsi-fungsi Unit Kerajaan Digital adalah seperti berikut:

- a) Mengurus pelaksanaan dan khidmat bantuan operasi dan penyelenggaraan bagi perkhidmatan Sistem eROSES sebagai perkhidmatan utama JPPM;
- b) Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Maklumat Geran yang merekod maklumat permohonan, kelulusan dan pembayaran peruntukan geran kepada pertubuhan;
- c) Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Pengurusan Dokumen yang menyimpan rekod pendaftaran pertubuhan yang didaftarkan sebelum pelaksanaan Sistem eROSES;
- d) Mengurus pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Aplikasi Perkongsian Maklumat sebagai membolehkan warga kerja JPPM menyimpan maklumat dengan lebih mudah pada bila-bila masa melalui capaian Internet;
- e) Mengurus dan menyelaraskan Sistem Automasi Pejabat, Data Terbuka (Open Data), Data Raya (Big Data) dan Pendigitalan Perkhidmatan; dan
- f) Pematuhan bagi pelaksanaan pensijilan Information Security Management System (ISMS).

### 1.2 UNIT INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN ICT

Fungsi-fungsi Unit Infrastruktur dan Keselamatan ICT adalah seperti berikut:

- a) Mengurus sistem rangkaian komputer yang disediakan melalui rangkaian Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya Campus Network dan MyGovNet;
- b) Mengurus keselamatan ICT JPPM dengan melaksanakan langkah-langkah mengikut keperluan bagi menjamin keselamatan infrastruktur, rangkaian dan aset ICT;
- c) Merancang, melaksana dan mengurus operasi dan penyelenggaraan segala kemudahan dan peralatan di dalam Pusat Data JPPM;

- d) Menguruskan penyelenggaraan aset ICT JPPM;
- e) Penyelenggara akaun emel rasmi JPPM untuk kegunaan di peringkat ibu pejabat dan seluruh cawangan negeri;
- f) Mengurus perkhidmatan sistem merekod kedatangan secara elektronik melalui kontrak pembekal yang dilantik oleh pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- g) Mengurus keperluan teknikal, kepenggunaan dan operasi sistem perolehan kerajaan (iGFMAS dan ePerolehan); dan
- h) Pematuhan bagi pensijilan Information Security Management System (ISMS).

### 1.3 UNIT DASAR DAN KHIDMAT OPERASI

Fungsi-fungsi Unit Dasar dan Khidmat Operasi adalah seperti berikut:

- a) Mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan Laman Web Rasmi sebagai sebuah portal yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan capaian maklumat JPPM;
- b) Mengurus Dasar Keselamatan ICT JPPM;
- c) Mempertingkatkan tahap keselamatan maklumat menerusi pelaksanaan pensijilan Information Security Management System (ISMS) yang merupakan program di bawah Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam;
- d) Menguruskan mesyuarat di BPTM termasuklah Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT JPPM, Mesyuarat BPTM, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS;
- e) Melaksanakan aktiviti pengurusan Aset ICT JPPM berdasarkan Pekeliling Pengurusan Aset Alih Kerajaan melalui penggunaan Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA);
- f) Mengurus keperluan dan melaksanakan latihan yang diperlukan oleh warga kerja JPPM berhubung penggunaan dan kemahiran ICT terkini serta mengikut keperluan semasa;
- g) Melaksanakan pengurusan rekod Sistem eROSES dan emel rasmi JPPM.
- h) Mengurus keperluan teknikal, kepenggunaan dan operasi bagi pelaksanaan sistem aplikasi HRMIS;
- i) Mengurus pelaksanaan Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam mengikut standard dan garis panduan yang diterbitkan oleh pihak MAMPU; dan
- j) Mengurus hal ehwal pentadbiran BPTM.

## 2. PENCAPAIAN BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) BAGI TAHUN 2020

BPTM sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan melalui ICT dipertingkatkan seterusnya memastikan pelaksanaan ICT Jabatan dilaksanakan berdasarkan peredaran semasa.

### 2.1 PENAMBAHBAIKAN DAN MENAIK TARAF SISTEM

Tahun 2020 menyaksikan BPTM telah meneruskan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pengguna melalui pembangunan Intranet JPPM, Sistem Pengurusan Penyata Tahunan (eXcess) penambahbaikan Laman Web Rasmi JPPM serta penambahbaikan dan penyelenggaraan bagi sistem-sistem sedia ada. Maklum balas daripada penggunaan sistem-sistem ini akan digunakan bagi proses penambahbaikan berterusan seiring dengan keperluan semasa.

#### a) Laman Web Rasmi JPPM

The screenshot displays the official website of the Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). The header includes the organization's name, logo, and contact information. A navigation menu lists various services such as 'LAMAN UTAMA', 'MAKLUMAT KORPORAT', and 'DIREKTORI PESANAI'. A prominent banner asks if the user has filled out the 'PENYATA TAHUNAN PERTUBUHAN' (Annual Statement of Association). Below this, a section titled 'PERKHIDMATAN UTAMA JPPM' features icons for services like 'Sistem eROSES', 'Panduan Pengurusan Pertubuhan', 'Portal MySociety', 'Perkhidmatan Semakan JPPM', 'Kod Talib-Urus Berk. Pertubuhan (COQB)', 'Soalan Lazim Pengurusan Pertubuhan (FAQ)', and 'Sistem Kurus Rias Pengurusan Pertubuhan'. A '#ros\_care' section provides an overview, objectives, program calendar, and impact of the initiative. The footer contains a 'MAKLUMAT, MEDIA DAN STATISTIK' section with links to 'APLIKASI MUDAH ALIH JPPM', 'PENSIJILAN DAN KOD QR', 'TINJAUAN PENDAPAT', and 'HEBAHAN TERKINI'.



LAMAN UTAMA > MAKLUMAT KORPORAT > DIREKTORI PEGAWAI > STATISTIK > E-PENYERTAAN > HUBUNGI KAMI **LAMAN PKP JPPM (COVID-19)**

## HEBAHAN TERKINI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN JPPM

Hebahan Terkini berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan JPPM

### MAKLUMAT TERKINI

(28 MAC 2020)

#### PROSEDUR PENGAGIHAN BANTUAN OLEH ORGANISASI DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) SEMASA COVID-19

Bantuan seperti makanan/barang keperluan perlu dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di setiap daerah yang bertanggungjawab sebagai pusat pengumpulan yang menguruskan bantuan kepada masyarakat disesuai kawasan. Bagi tujuan ini, semua bantuan makanan/barang keperluan hendaklah disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang berhampiran. Sebarang pertanyaan berkaitan proses penyaluran bantuan, NGO dinasihatkan untuk menghubungi Bilik Gerakan Negeri dan Daerah dan maklumat boleh didapati dari laman sesawang JKM di [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). Arahan tersebut adalah bagi mengelakkan berlaku banyak pergerakan dalam kalangan orang awam/masyarakat semasa Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

*\*Sidang Media Majlis Keselamatan Negara oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) pada 28 Mac 2020 berhubung Perintah Kawalan Pergerakan.*



Hebahan Terkini



Soalan Lazim PKP



Infografik PKP dan COVID-19



Video PKP dan COVID-19



SOP JPPM

Laman Web Rasmi JPPM Laman PKP JPPM (COVID-19)

Laman Web Rasmi JPPM boleh dicapai melalui laman sesawang <https://www.ros.gov.my> dan diwujudkan sebagai satu platform penyebaran maklumat kepada orang awam. Kajian dan pengemaskinian Laman Web Rasmi JPPM dijalankan sepanjang masa selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan laman web sebagai saluran rasmi di dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi Sektor Awam kepada orang awam. Laman Web Rasmi JPPM menyediakan perkhidmatan berikut:

- i. Perkhidmatan Semakan JPPM
  - Semakan Status Pertubuhan
  - Semakan Ahli Jawatankuasa
  - Semakan Senarai Hitam
- ii. Panduan pengurusan pertubuhan
- iii. Kod tadbir urus baik pertubuhan (COGG)
- iv. Soalan lazim pengurusan pertubuhan (FAQ)
- v. Capaian ke Sistem Kursus Asas Pengurusan Pertubuhan
- vi. Capaian Sistem MySociety
- vii. Hebahan informasi terkini berkenaan JPPM

Laman Web Rasmi JPPM merupakan salah satu pendekatan di mana orang awam boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran JPPM. Laman PKP JPPM telah diwujudkan di Laman Web Rasmi JPPM pada tahun 2020 selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan pergerakan (PKP) bagi memaparkan maklumat berkaitan Standard Operating Procedure (SOP), soalan lazim dan lain-lain hebahan daripada JPPM berkaitan tadbir urus JPPM serta Mesyuarat Agung Tahunan sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Jumlah capaian Laman Web Rasmi JPPM sehingga kini adalah sebanyak 708,678.

b) Sistem Pengurusan Penyata Tahunan (eXcess)



Sistem eXcess ini mula dibangunkan pada Julai 2019 bagi transformasi pengurusan penyata tahunan parti politik daripada secara manual kepada dalam talian. Modul utama dalam sistem ini adalah:

- a) Modul Pengurusan Pengguna;
- b) Modul Maklumat Penyata tahunan; dan
- c) Modul Penghantaran Penyata Tahunan.

Manakala modul-modul utama bagi modul pengguna dalaman JPPM pula adalah:

- a) Modul Pelaporan (dashboard); dan
- b) Modul Kelulusan Penyata Tahunan.

Sistem ini menyediakan dua peranan pengurusan iaitu Setiausaha Agung (SUA) dan Setiausaha Cawangan (SUC) parti politik. Objektif utama sistem ini adalah untuk memudahkan parti politik menghantar penyata tahunan secara dalam talian (online).






Pembentangan dan Penyerahan Sistem eXcess kepada Bahagian Pengurusan Pertubuhan (BPP)





c) Penyelenggaraan Sistem eROSES dan Kajian Keperluan eROSES Baharu



Sesi Perbincangan bagi Kajian Keperluan eROSES Baharu

Sistem eROSES adalah sistem utama JPPM yang mengendalikan pengurusan pertumbuhan dan telah digunakan sejak tahun 2012. Kajian keperluan sistem baharu bagi Sistem eROSES dijalankan bagi mengenal pasti pernyataan masalah, objektif, skop dan keperluan bagi membangunkan semula Sistem eROSES baharu.



## 2.2 PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) JPPM (2021-2025)



PSICT JPPM 2021-2025 merupakan pelan strategik yang mengandungi hala tuju ICT JPPM untuk tempoh lima tahun bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025. Pelan ini merupakan pelan induk ICT bagi rujukan pegawai JPPM yang sejajar dengan Pelan Strategik JPPM 2021-2025. Strategi dan Program ICT yang dirancang adalah bertujuan untuk memantapkan perkhidmatan digital JPPM secara cekap, telus dan selamat ke arah pengurusan kawal selia pertubuhan yang efisien.



PSICT JPPM 2021-2025 telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Kerja Pembangunan Pelan Strategik ICT JPPM 2021 – 2025 bermula bulan Ogos 2020 sehingga bulan November 2020. Berpandukan tiga Teras Strategik ICT yang dibentuk, sebanyak lapan Strategi ICT dan 27 Program ICT telah dikenal pasti. Strategi ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan memacu JPPM dalam membangunkan masyarakat sivil yang cemerlang.

Antara aktiviti yang terlibat dalam pembangunan PSICT JPPM 2021-2025 adalah seperti di **Jadual 1**.

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Kick Off PSICT JPPM	17 Ogos 2020
2.	Mesyuarat PSICT JPPM Bil. 1/2020	17 Ogos 2020
3.	Pra Bengkel 1 PSICT JPPM	18 Ogos 2020
4.	Pra Bengkel 2 PSICT JPPM	7 September 2020
5.	Mesyuarat PSICT JPPM Bil. 2/2020	7 September 2020
6.	Bengkel PSICT JPPM	29 September 2020 hingga 1 Oktober 2020
7.	Mesyuarat PSICT JPPM Bil. 3/2020	20 Oktober 2020
8.	Post Bengkel PSICT JPPM	12 November 2020

## 2.3 PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN ICT JPPM

Seiring dengan keperluan semasa dalam memberikan perkhidmatan ICT yang efisien dan efektif kepada warga JPPM, BPTM telah melaksanakan inisiatif membangunkan beberapa garis panduan berkaitan ICT. Garis panduan yang dibangunkan menyediakan sumber rujukan yang lengkap bagi memastikan setiap warga JPPM patuh melaksanakan tanggungjawab sebagai pengguna ICT di JPPM.

Antara garis panduan yang telah dibangunkan adalah seperti berikut:

- a) Garis Panduan Penggunaan Peralatan ICT Sewaan di JPPM;
- b) Garis Panduan Penggunaan Sidang Video Dalam Talian JPPM; dan
- c) Garis Panduan Pengagihan Peralatan ICT JPPM.

## 2.4 DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT) JPPM VERSI 4.0



Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JPPM merupakan dokumen yang merangkumi perlindungan ke atas semua bentuk maklumat elektronik bertujuan untuk menjamin keselamatan maklumat tersebut dan kebolehsediaan kepada semua pengguna yang dibenarkan.

DKICT JPPM merupakan salah satu dokumen keperluan bagi pelaksanaan ISMS JPPM. Semakan semula DKICT JPPM versi 3.0 telah dilaksanakan bermula 6 Julai 2020 bagi mengenal pasti keperluan terkini selaras dengan persekitaran semasa JPPM.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM Tahun 2020 (Kali Pertama) telah bersetuju meluluskan DKICT JPPM versi 4.0.

## 2.5 PEROLEHAN PERALATAN DAN PERISIAN ICT SEWAAN JPPM

Tahun 2020 juga mencatatkan satu pencapaian yang baik dari segi keperluan infrastruktur ICT JPPM. Perolehan peralatan dan perisian ICT sewaan JPPM telah berjaya diperolehi untuk kegunaan Ibu Pejabat JPPM dan semua JPPM Negeri. Tempoh kontrak perkhidmatan sewaan ini adalah selama 36 bulan iaitu bermula 1 Mac 2020 sehingga 28 Februari 2023. Perincian agihan adalah seperti berikut:

LOKASI JPPM	AGIHAN					
	KOMPUTER PERIBADI		KOMPUTER RIBA	KOMPUTER RIBA MULTIMEDIA	PENCETAK WARNA A4	PROJEKTOR
	MODEL MINI	MODEL SMALL FORM FACTOR (SFF)				
IBU PEJABAT	30	55	16	1	22	3
JPPM JOHOR	4	9	2	0	2	2
JPPM KEDAH	6	7	2	0	2	1
JPPM KELANTAN	3	10	2	0	2	1
JPPM MELAKA	4	8	2	0	4	1
JPPM N. SEMBILAN	4	9	2	0	4	1
JPPM PULAU PINANG	2	12	2	0	3	1
JPPM PAHANG	6	6	2	0	2	1
JPPM PERAK	6	11	2	0	4	1
JPPM PERLIS	1	8	2	0	2	1
JPPM SABAH	5	14	2	0	2	1
JPPM SARAWAK - MIRI	5	0	1	0	2	1
JPPM SARAWAK - KUCHING	6	13	2	0	2	1
JPPM SELANGOR	6	9	2	0	2	1
JPPM TERENGGANU	6	6	2	0	2	1
JPPM WPKL	6	14	2	0	3	1
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>191</b>	<b>45</b>	<b>1</b>	<b>60</b>	<b>19</b>

## 2.6 PEROLEHAN KONTRAK PENGURUSAN PUSAT DATA

JPPM telah melantik kontraktor bagi menyelenggara perkakasan pusat data bagi tempoh 36 bulan bermula 20 November 2019 hingga 19 November 2022. Dokumen kontrak telah ditandatangani pada 16 Julai 2020 dan pembayaran bagi perkhidmatan ini telah dibayar mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Sehingga kini, semua aktiviti naik taraf, penggantian alat ganti rosak, aktiviti penyelenggaraan pencegahan (PM) dan lain-lain aktiviti berkaitan telah dilaksanakan oleh kontraktor dan dipantau oleh unit infrastruktur dan keselamatan ICT JPPM.

### 2.7 AKTIVITI MIGRASI DAN NAIK TARAF PERALATAN RANGKAIAN JPPM

Pihak MAMPU, GiTN dan BPTM JPPM telah bekerjasama melaksanakan aktiviti migrasi dan naik taraf peralatan rangkaian JPPM pada 26 Jun 2020. Peralatan yang dimaksudkan adalah core switches, floor switch dan access point.

Aktiviti ini bertujuan untuk menggantikan peralatan rangkaian yang telah usang dan menaik taraf peralatan tersebut kepada yang lebih baik selari dengan perkembangan teknologi terkini agar semua pengguna dapat menikmati akses ke internet yang lebih laju sekaligus melancarkan tugas harian warga JPPM.



## 2.8 NAZIRAN DAN PERAKUAN PELUPUSAN ASET ICT JPPM TAHUN 2020

Naziran aset ICT JPPM dilaksanakan untuk menyemak status bagi setiap peralatan ICT sedia ada dan sewaan yang ditempatkan di Ibu Pejabat JPPM dan JPPM Negeri.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPM Bil. 2/2020 telah bersetuju agar aktiviti perakuan pelupusan turut dilaksanakan terhadap peralatan ICT sedia ada yang telah didaftarkan pada tahun 2010 dan ke bawah. Kedua-dua aktiviti ini melibatkan empat lokasi seperti berikut:

- a) Ibu Pejabat JPPM;
- b) JPPM Negeri Sembilan;
- c) JPPM W.P. Kuala Lumpur; dan
- d) JPPM Melaka.

Semua aktiviti bagi empat lokasi telah selesai dilaksanakan pada 29 Disember 2020.



Sesi Taklimat Naziran Aset ICT



Pelaksanaan Naziran Aset ICT di JPPM

## 2.9 KERJASAMA STRATEGIK ANTARA AGENSI SEKTOR AWAM

Kerjasama strategik antara agensi barisan hadapan telah dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan ICT di JPPM. Kerjasama strategik ini melibatkan perkongsian data, integrasi sistem dan perjanjian perkhidmatan antara agensi dalam Sektor Awam dan JPPM. Pada tahun 2020, JPPM telah melaksanakan kerjasama strategik dengan agensi dalam Sektor Awam seperti di Jadual.

BIL.	Agensi	Sistem	Tujuan
1.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Sistem eROSES	Integrasi Sistem eROSES dan Sistem ePP, KDN.
			Penyelarasan Data MyStatistik KDN
			Perbincangan KDN xCHANGE
2.	Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia (JPNM)		Integrasi Sistem eROSES dan Sistem myIDENTITY, JPN.
3.	MAMPU	Sistem-sistem di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU	Semakan semula Service Lega Agreement (SLA) PDSA.
		Sistem eROSES	Libat Urus Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan Secara End-To-End bersama MAMPU





Sesi Taklimat Naziran Aset ICT



Bengkel Perkongsian Data KDN xCHANGE



Sesi Semakan Service Legal Agreement (SLA) PDSA



## 2.10 PENGUKUHAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Seiring dengan peralihan kepada dunia digital, JPPM juga telah mengorak langkah dengan menggunakan ICT sebagai tunjang dalam penyampaian perkhidmatan. Kebergantungan kepada teknologi ICT atau maklumat ini mendedahkan JPPM kepada ancaman-ancaman ataupun bahaya yang datang daripada dunia siber. Pengukuhan keselamatan maklumat merupakan salah satu kaedah proaktif bagi memastikan setiap ancaman dan risiko dikenal pasti dan tindakan penguraian serta langkah pencegahan awal diambil. BPTM selaku pemudah cara kepada penggunaan dan pelaksanaan ICT di JPPM telah mengambil beberapa langkah bagi pengukuhan keselamatan maklumat sepanjang tahun 2020. Antaranya adalah:

a) Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS)

Pensijilan ISMS ialah salah satu langkah yang diperkenalkan Kerajaan bagi memastikan keselamatan maklumat Sektor Awam terutama yang melibatkan penyampaian perkhidmatan terjamin. Mula dilaksanakan pada tahun 2017, JPPM telah meneruskan penguatkuasaan standard ISMS sehingga 2020 bagi skop pensijilan **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Ke Atas Pengurusan Maklumat Elektronik Pertubuhan Bukan Politik Menggunakan Sistem eROSES di Ibu Pejabat, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)**. Antara aktiviti yang terlibat dalam pelaksanaan ISMS di JPPM sepanjang tahun 2020 adalah seperti di **Jadual 3**.





## SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
ARAS 8 & 9, BLOK D7, KOMPLEKS D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62546 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
MALAYSIA**



telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

**ISO/IEC 27001:2013  
Information Technology – Security Techniques – Information Security Management  
Systems – Requirements**



Skop Pensijilan

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT KE ATAS PENGURUSAN  
MAKLUMAT ELEKTRONIK PERTUBUHAN BUKAN POLITIK MENGGUNAKAN  
SISTEM eROSES DI IBU PEJABAT, JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN  
MALAYSIA (JPPM).**

*INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 7.2, 08 SEPTEMBER 2020*



Tarikh dikeluarkan : **17 September 2020**

Tarikh asal pensijilan : **15 September 2017**

Tarikh luput : **14 September 2023**

No. pensijilan : **ISMS 00303**

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.  
(No. Syarikat 410334 - X)  
1, Periaran Dato' Menteri  
Sekoyan 2, Pati Surat 7035  
40700 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel : 60-3-5544 6404  
Faks : 60-3-5544 6787  
<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malaysiancertified.com.my>

**Mohd Azanuddin Salleh**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan siji ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti termasya dalam Perjanjian Pensijilan.



BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS Bil. 1/2020	15 Julai 2020
2.	Bengkel Penilaian Risiko ISMS JPPM	23 dan 29 Julai 2020
3.	Taklimat Kesedaran Dokumen ISMS bagi Pasukan Pelaksana ISMS JPPM	11 Ogos 2020
4.	Audit Dalam ISMS JPPM	24 – 25 Ogos 2020
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Bil. 1/2020	7 September 2020
6.	Audit Pensijilan Semula ISMS oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd.	10 – 11 September 2020
7.	Taklimat Kesedaran ISMS bagi warga JPPM Ibu Pejabat	19 September 2020
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISMS Bil. 2/2020	16 Oktober 2020
9.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISMS Bil. 2/2020	27 Oktober 2020

Aktiviti Pelaksanaan ISMS di JPPM Sepanjang Tahun 2020

- b) Perkhidmatan Pengurusan Keselamatan Web dan Perkakasan Firewall berserta Penyelenggaraan; dan

Perkhidmatan ini telah memasuki tahun kedua oleh syarikat yang dilantik. Pada 3 Mac 2020, latihan pengurusan peralatan dan perisian Web Application Firewall (WAF) telah diadakan yang bertujuan memberi pendedahan kepada pentadbir WAF untuk menguruskan peralatan keselamatan ini.

- c) Hebahan Tips Keselamatan ICT JPPM sepanjang tahun 2020.

Tips Keselamatan ICT telah dihebahkan kepada seluruh warga JPPM melalui aplikasi Kaseya sekurang-kurangnya sebulan sekali. BPTM telah berjaya membuat hebahan sebanyak 13 tips sepanjang tahun 2020. Tujuan hebahan tips ini adalah untuk memberi maklumat tambahan, peringatan dan sebagai salah satu medium meningkatkan kesedaran warga JPPM mengenai langkah-langkah keselamatan atau cara-cara aduan dan lain-lain lagi maklumat berkaitan persekitaran kerja JPPM.



Audit Pensijilan Semula ISMS JPPM Tahun 2020



## 2.11 KURSUS DAN SESI TECHNOLOGY UPDATE ICT JPPM

Pelaksanaan kursus dan sesi technology update ICT di JPPM yang dirancang untuk awal tahun 2020 tergendala disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kursus dan sesi technology update ICT secara dalaman yang telah dianjurkan oleh BPTM bagi melahirkan pegawai JPPM yang lebih cekap dan berkualiti. Kursus dan sesi technology update ICT yang dianjurkan oleh BPTM bagi tahun 2020 adalah seperti di Jadual:

BIL.	NAMA KURSUS/SESI TECHNOLOGY UPDATE ICT	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus Web Application Firewall	3 Mac 2020	Bilik Latihan ICT (Roses-One), Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
2.	Kursus Modul ePayment Sistem eROSES	21 April 2020	Dalam Talian Menggunakan Kaedah Video Conference
3.	Sesi Technology Update Hikvision Temperature Screening and Social Distance Protection Solution	2 Julai 2020	Bilik Mesyuarat Avira, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
4.	Kursus Sistem eXcess	28 Julai 2020	Bilik Latihan ICT (Roses-One), Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
5.	Sesi Technology Update bagi Managed Citizen Intelligence (MCI) oleh TM ONE	5 Ogos 2020	Bilik Mesyuarat Avira, Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia,
6.	Kursus Inovasi Senibina Sistem Perbankan Atas Talian (FPX)	27, 28, 30 Oktober & 2, 3 November 2020	Dalam Talian Menggunakan Kaedah Video Conference

Kursus dan Sesi Technology Update ICT bagi tahun 2020

## 2.12 URUS SETIA JAWATANKUASA TEKNIKAL MAJLIS RASMI JPPM

BPTM juga terlibat secara langsung dalam persediaan majlis-majlis rasmi Jabatan terutamanya dari segi penyediaan montaj dan video pendek. Sepanjang tahun 2020, BPTM telah terlibat dalam majlis-majlis utama JPPM termasuklah Majlis Anugerah Khas Kecemerlangan 2020, Majlis Amanat KP JPPM 2020 dan Majlis Bulan Kebangsaan 2020.



## NUKILAN JABATAN



### PELAN STRATEGIK 2021-2025 JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Pelan Strategik 2021-2025 JPPM merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik JPPM sebelumnya yang digubal untuk tempoh 2015-2020. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien maka PSJPPM ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih komprehensif yang membawa hala tuju JPPM selari dengan kemajuan dan keperluan untuk tempoh lima tahun akan datang.

Bagi melancarkan proses penyediaan Pelan Strategik 2021-2025, sebanyak 5 bengkel telah diadakan bertujuan merancang, menyemak dan memurnikan Pelan Strategik 2021-2025 JPPM. Bengkel tersebut melibatkan Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah- Pengarah Negeri serta pegawai Ibu Pejabat JPPM.



Empat (4) teras utama Pelan Strategik JPPM 2021-2025 yang telah digariskan iaitu:

- Memperkukuhkan penguatkuasaan dan kawalan;
- Memperkasakan pertumbuhan dan komuniti;
- Memantapkan modal insan dan infrastruktur; dan
- Memperkukuhkan teknologi maklumat.



Bengkel Brainstorming Pelan Strategik 2021-2025 Siri 1



## BENGKEL PELAN STRATEGIK 2021-2025 SIRI 2



## BENGKEL BRAINSTORMING PELAN STRATEGIK 2021-2025 SIRI 3



## BENGKEL PELAN STRATEGIK 2021-2025 SIRI 4



## BENGKEL PENULISAN PELAN STRATEGIK 2021-2025 SIRI 5



## PELANCARAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI 2021-2025



Menyedari tentang pentingnya integriti di kalangan penjawat awam, Pelan Antirasuah Organisasi JPPM 2021-2025 ini telah dibangunkan sejajar dengan hasrat Kerajaan dalam menangani isu rasuah, governans dan isu integriti yang berlaku dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan. Pelan ini adalah susulan pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi KDN 2020-2024 oleh Kementerian pada 5 November 2020. Pelan ini mengandungi inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh semua warga di dalam Jabatan.

Pelan ini menetapkan empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras kepada usaha memerangi rasuah dalam organisasi iaitu **Tadbir Urus Jabatan, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Jabatan dan Penguatkuasaan Undang-Undang.**

Buku Pelan Anti Rasuah Organisasi 2021-2025 telah berjaya dilancarkan pada akhir tahun 2021 oleh Encik Wan Zainul Azam bin Khamid @ Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.



Pelancaran Pelan Anti Rasuah Organisasi JPPM



## BENKEL MENANGANI ISU-ISU KEPENGGUNAAN, LITERASI KEWANGAN, SUBSIDI BERSASAR DAN KESELAMATAN PRODUK KEGUNAAN SEHARIAN

TARIKH

30 JANUARI 2020

TEMPAT

AUDITORIUM,  
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI PERLIS

Program kolaborasi ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang hak dan tanggungjawab pengguna serta memberi pendedahan tentang literasi kewangan selaras dengan isu kepenggunaan semasa. Ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan dalam usaha mewujudkan kerjasama bersama pertubuhan melalui program bersepadu.



**PROGRAM OUTREACH BERSAMA PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA**

TARIKH	16 JANUARI 2020
TEMPAT	HOTEL SERI MALAYSIA SUNGAI PETANI, KEDAH

Program ini merupakan satu kolaborasi di antara JPPM Negeri Kedah dan PERKIM Cawangan Kedah bertujuan memberi penerangan tentang pengurusan pertubuhan dan tugas-tugas setiausaha pertubuhan sama ada Induk atau bercawangan. Ia juga merupakan platform untuk mempromosi dan memantapkan lagi hubungan di antara JPPM Negeri Kedah dengan pertubuhan melalui aktiviti turun padang.





## KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

TARIKH	19 OGOS 2020
TEMPAT	DEWAN SEMINAR DINAMIK, JPPM NEGERI PULAU PINANG

Merupakan satu inisiatif JPPM Pulau Pinang bagi membantu Persatuan bagi memahami dengan jelas serta memberikan latihan secara simulasi dalam penyediaan penyata tahunan melalui sistem eRoses. Mewujudkan ruang kepada persatuan untuk mendapatkan khidmat nasihat serta membuat pertanyaan secara langsung dan bersemuka dengan pihak JPPM.



**KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN PERTUBUHAN**

TARIKH	22 JANUARI 2020
TEMPAT	BANGUNAN KEM ENTERIAN DALAM NEGERI,PERAK

Seramai 59 peserta yang terdiri dari Setiausaha, Bendahari dan Pengerusi dan ahli jawatankuasa yang mana mereka ini terdiri daripada 25 persatuan telah hadir ke kursus ini. Program ini telah berjaya memberi pendedahan kepada pertubuhan yang baru berdaftar berkaitan pendedahan Pengurusan Pertubuhan berkualiti serta hubungan di antara JPPM dan pertubuhan dapat dieratkan serta mendapat komen dan cadangan yang positif daripada wakil pertubuhan.





## TAKLIMAT JOM DAFTAR @JPPM SELANGOR DAN TACARA PENDAFTARAN PUSAT JAGAAN TAHUN 2020

TARIKH	06 FEBRUARI 2020
TEMPAT	BENGKEL DAYA KLANG, PERSIARAN TENGGU AMPUAN RAHIMAH

Taklimat ini bertujuan bagi memberi peluang kepada pertubuhan baharu yang ingin berdaftar dengan JPPM mengikut tatacara pendaftaran pertubuhan yang betul bagi mengelak sebarang kesilapan agar tidak ditolak.



TAKLIMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN BERKESAN ANJURAN BADAN KEBAJIKAN  
ISLAM KASTAM MALAYSIA (BAKISKA)

TARIKH	22 JANUARI 2020
TEMPAT	AUDITORIUM PERDANA, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (WPKL)

Bengkel ini bertujuan bagi menerangkan dan memberi pendedahan kepada Setiausaha Cawangan yang baru dilantik selepas Mesyuarat Agung berkenaan Pentadbiran BAKISKA serta kepentingan pelaporan tahunan kewangan melalui eRoses



## PROGRAM SEMBANG SANTAI ANTARA PERTUBUHAN DAN PENDAFTAR PERTUBUHAN

TARIKH	08 OKTOBER 2020
TEMPAT	BILIK SUMBER, JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA, NEGERI SEMBILAN

Program bertujuan bagi memastikan dan memberi kesedaran kepada pertubuhan tentang kepentingan perlembagaan pertubuhan. program ini telah berjaya memberikan beberapa impak positif kepada pertubuhan dari aspek Pemahaman pertubuhan tentang peranan setiap ahli jawatankuasa menguruskan pertubuhan yang berkualiti dan juga pematuhan terhadap Akta Pertubuhan 1966 serta undang-undang berdaftar pertubuhan dapat ditingkatkan.





**KURSUS ASAS PENGURUSAN PERTUBUHAN BAGI PERTUBUHAN BAHARU**

TARIKH	29 SEPTEMBER 2020
TEMPAT	AUDITORIUM, ARAS 4 KOMPLEKS KDN NEGERI MELAKA

Kursus ini merupakan pendedahan program kepada pemegang jawatan daripada Pertubuhan yang baru diluluskan pendaftarannya. Penganjuran program ini mensasarkan peserta yang terdiri daripada 3 orang pemegang jawatan utama daripada persatuan yang telah diluluskan pendaftarannya pada tahun lepas, tetapi tidak berkesempatan untuk hadir dalam siri kursus yang telah dilaksanakan sebelum ini.





## KURSUS ASAS PENGURUSAN PERTUBUHAN

TARIKH	9-10 FEBRUARI 2020
TEMPAT	DEWAN TAMAN MOLEK, JOHOR BAHRU, JOHOR

Kursus Asas Pengurusan Pertubuhan adalah salah satu bentuk outreach yang dijalankan di Johor. Kursus ini merupakan pendedahan program kepada pemegang jawatan daripada Pertubuhan yang baru diluluskan pendaftarannya.



## PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI

TARIKH	09 FEBRUARI 2020
TEMPAT	PERUMAHAN KAMPUNG PAK MAHAT, KUANTAN

Program anjuran Persatuan Prohtain Timur Kuantan dengan kerjasama Kolej Poly-Tech MARA Kuantan dilaksanakan bagi mewujudkan suasana muhibbah dan saling kenal mengenali di kalangan penduduk, menyediakan kemudahan dan khidmat nasihat dari agensi kerajaan kepada penduduk dan merapatkan hubung antara penduduk bersama agensi kerajaan termasuklah JPPM Negeri Pahang.





## SESI POCKET TALK CAKNA PERTUBUHAN 2020

TARIKH	24 OGOS 2020
TEMPAT	HOTEL SERI MALAYSIA, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Melalui sesi ini, pesatuan baharu akan mendapat pendedahan mengenai perkara-perkara asas yang penting dalam pengurusan sesebuah pertubuhan seperti kepentingan untuk mematuhi perlembagaan, penyediaan laporan penyata tahunan, penyata tahunan, pengenalan kepada Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.



## KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

TARIKH	12 FEBRUARI 2020
TEMPAT	BILIK MESYUARAT UTAMA, JPPM NEGERI KELANTAN

Program bertujuan memberi penerangan tentang pengurusan pertubuhan termasuklah topik tanggungjawab pemegang jawatan, pengurusan pindaan perlembagaan dan pengurusan kewangan. Ia juga merupakan platform pertubuhan untuk bersemuka dengan pihak Jabatan. Program ini telah berjaya memberi pendedahan kepada semua kategori pertubuhan yang belum membuat pindaan perlembagaan secara online.





## PROGRAM PEJABAT BERGERAK DAN PROGRAM TAKLIMAT PENGURUSAN PERTUBUHAN

TARIKH	19 OGOS 2020
TEMPAT	PREMIS PERSATUAN WARGA MAS SANDAKAN BATU 7 BANDAR LABUK JAYA SANDAKAN

Meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran berkenaan pengurusan pertubuhan mengikut sistem Undang-undang berdaftar Pertubuhan, kaedah penghantaran Penyata Tahunan melalui sistem eRoses secara online, mematuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan yang berkaitan, juga pencerahan berkenaan Pengubahan Wang haram dan Pembiayaan Keganasan yang disampaikan oleh Pegawai Pendaftaran Pertubuhan Unit Pengurusan Pertubuhan dan Unit Pematuhan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Sabah.



**PROGRAM HARI BERSAMA  
PERSATUAN PENDUDUK DAN KOMUNITI #ros\_care**

TARIKH	18 OGOS 2020
TEMPAT	SERIAN, KUCHING, SARAWAK

Program diadakan bertujuan memberikan pendedahan berkenaan fungsi dan peranan JPPM kepada komuniti di Serian, Sarawak. Memberikan pendedahan lebih mendalam berkenaan tindakan-tindakan akan diambil apabila pertubuhan melanggar Undang-Undang Pertubuhan sendiri, Akta Pertubuhan 1966 serta Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984.







## SUDUT SUKAN, REKREASI DAN KESIHATAN

## LENSA KARIB JPPM DAN KOSPEN PLUS



## HIKING KARIB 8 FEBRUARI 2020 , JERAM PERLUS , HULU LANGAT





WALK JOG  
10 MAC 2020 , TASIK PUTRAJAYA





# BADMINTON CHAMPIONSHIP 15 SEPTEMBER 2020 , DEWAN AADK, SUNGAI MERAB





**PERTANDINGAN BOLING  
9 DISEMBER 2020 , IOI CITY MALL , PUTRAJAYA**






SUKROS 2020  
03 OKTOBER 2020 , DEWAN AADK , SUNGAI MERAB




SARINGAN KESIHATAN  
9 DISEMBER 2020 , IBU PEJABAT JPPM

BMI




■ Underweight ■ Normal ■ Overweight ■ Obese ■ Extremely Obese

PARAS GLUKOS



■ 4.4-5.5 ■ 5.6-6.9 ■ >7

TEKANAN DARAH



■ Normal ■ Prahipertensi ■ Hipertensi I ■ Hipertensi II



# NORMA BAHARU



# POSTER PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

BERKUATKUASA MULAI RABU, 16-31 MAC 2020 SELURUH NEGARA

1

LARANGAN

menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramal di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya



2

PENUTUPAN

rumah ibadat & premis perniagaan hendaklah ditutup kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka



3

SEKATAN

menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara



4

SEKATAN

kemasukan semua pelancong asing ke dalam negara



5

PENUTUPAN

semua taska, sekolah kerajaan & swasta, sekolah harian, berasama penuh, antarabangsa pusat lafiz & lain-lain institusi pendidikan rendah/menengah/pra universiti, IPTA dan IPTS, Institut Latihan Kemahiran di seluruh Malaysia



6

PENUTUPAN

Semua premis kerajaan/swasta kecuali perkhidmatan penting negara (essential services) iaitu

- air
- elektrik
- tenaga
- telekomunikasi
- pos
- pengangkutan
- kewangan
- minyak
- gas
- bekalan api
- perubatan
- penyiaran
- kewangan
- perbankan
- keselamatan
- lapangan terbang
- keselamatan
- pertahanan
- pembebasan
- pemuncian & bekalan makanan



PERINTAH DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN & PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1986 DAN AKTA POLIS 1967

**KENYATAAN MEDIA**  
 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia



A

Semua pertubuhan adalah **DILARANG** daripada mengadakan program/aktiviti/ persidangan/ perhimpunan/mesyuarat agung pertubuhan sehingga **30 Jun 2020**.

B

**Selepas 30 Jun 2020**, permohonan perlanjutan perlu dikemukakan untuk pertimbangan JPPM (Jika wabak COVID-19 masih dalam situasi meruncing) Permohonan perlanjutan adalah bertujuan untuk mengelakkan penyalahgunaan oleh pertubuhan berdaftar ke atas undang-undang tubuh pertubuhan serta Akta 335.

C

Arahan khas yang dikeluarkan ini adalah selaras dengan kuasa-kuasa Pendaftar di bawah peruntukan Seksyen 3A, Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

ARAHAN KHAS BERHUBUNG PENULARAN WABAK CORONA VIRUS (COVID-19)

16 MAC 2020, PUTRAJAYA



## INI MENGAPA PENTINGNYA BASUH TANGAN!

<b>PLASTIK</b>	<b>ALUMINIUM</b>
5 HARI	2 - 8 JAM
<b>KERTAS</b>	<b>BESI</b>
4 - 5 HARI	48 JAM
<b>KACA</b>	<b>KAYU</b>
4 HARI	4 HARI
<b>SARUNG TANGAN GETAH</b>	<b>PHM</b>
8 JAM	Public Health Malaysia

**TEMPOH VIRUS CORONA BERTAHAN DI PERMUKAAN**  
Persistence of coronaviruses on inanimate surfaces and their inactivation with biocidal agents  
Kampf, G. et al. Journal of Hospital Infection, Volume 104, Issue 3, 246 - 251

Pesan Khidmat Masyarakat daripada:  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

## “**ARAHAN**”

BEKERJA DARI RUMAH BERIKUT PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS KERAJAAN

**BAGI PEGAWAI YANG DIARAH BEKERJA DARI RUMAH, PERKARA-PERKARA BERIKUT PERLU DIPATUHI :**

- Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat yang ditetapkan oleh kerajaan
- Sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain dan
- Sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja

**TIDAK DIBENARKAN**  
PULANG KE KAMPUNG, MENUNJUNGI TEMPAT PERANGINAN  
ATAU BERADA DI TEMPAT AWAM BAGI TUJUAN PERSENDIRIAN.

Pesan Khidmat Masyarakat daripada:  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

( 18 MAC 2020 - 31 MAC 2020 ) **COVID-19**

**PEGAWAI  
POLIS DIRAJA MALAYSIA  
DAN RELA  
TELAH DILANTIK SEBAGAI  
PEGAWAI DIBERI KUASA  
DI BAWAH SEKSYEN 3  
AKTA PENCEGAHAN  
DAN PENGAWALAN  
PENYAKIT BERJANGKIT  
( AKTA 342 )**

Pesan Khidmat Masyarakat daripada:  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

# “ JUST STAY AT HOME ”

- PRIME MINISTER, TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN -

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT DARIPADA:  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

## LANGKAH MUDAH PERANGI COVID-19

- LAKUKAN SARINGAN**  
Sila datang dan memuat saringan kesihatan secara percuma di pusat kesihatan tanpa perlu dicari. Dan ubah kerajaan dengan tempoh, secara sukarela dan menjalan pemeriksaan saringan yang ditetapkan terutama kepada mereka yang pergi ke perhimpunan (jarak lebih di Majlis Seri Petaing)
- KUARANTIN DIRI**  
Sekiranya anda baru pulang daripada mana-mana negara terdamparnya China, Korea Selatan, Itali, Jepun dan Iran, anda dinasihatkan untuk memisahkan kepada pejabat kesihatan dan melakukan suarantin diri selama 14 hari berturut-turut. Sila rujuk ke klinik atau hospital terdekat sekiranya anda mendapati gejala seperti batuk, demam, sesak, sakit tekak dan kelesuan untuk bernafas.
- MEMAKAI TOPENG MUKA**  
Sekiranya anda tidak akan segera basuh atau mencuci tangan dengan sabun dan air, pastikan anda memakai topeng muka yang sama berkesan dengan itu. Pastikan anda memakai topeng muka dari masa ke masa.
- TINGKATKAN KEBERSIHAN DIRI DAN KAWASAN RUMAH**  
Dengan kekal berada di rumah dapat menghindarkan diri kita daripada dijangkiti virus COVID-19. Selain itu, pastikan anda mencuci tangan dengan air dan sabun yang berkesan dengan kerap. Pastikan anda mencuci tangan dengan air dan sabun yang berkesan dengan kerap dan tidak perlu keluar.
- JAGA JARAK 1 METER**  
Sekiranya memandikan anda atau keluar seperti membeli barang atau ke tempat kerja atau urusan yang lain, jaga jarak sekurang-kurangnya 1 meter dengan orang lain. Pastikan anda menjaga jarak 1 meter supaya tidak berdekatan. Selain itu, jika anda digalakkan untuk menjaga kesihatan dengan baik seperti makan makanan yang berkhasiat dan melakukan senaman ringkas di dalam rumah.
- ‘STAY AT HOME’**  
Dengan kekal berada di rumah dapat menghindarkan diri kita daripada dijangkiti virus COVID-19. Pastikan anda menjaga jarak 1 meter dengan orang lain. Pastikan anda menjaga jarak 1 meter supaya tidak berdekatan. Selain itu, jika anda digalakkan untuk menjaga kesihatan dengan baik seperti makan makanan yang berkhasiat dan melakukan senaman ringkas di dalam rumah.

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT DARIPADA:  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

#WEKAWALAN  
#STAYATHOME

## PENGURUSAN SUMBANGAN OLAK NON-GOVERNMENT ORGANISATION (NGO) SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 01**  
NGO berorientasi kebajikan menghubungi JKMM/PMKD terdekat untuk memaklumkan sumbangan yang akan dibekalkan kepada kumpulan sasaran satu (1) hari sebelum aktiviti dengan menyatakan maklumat berikut:  
i. Jenis barangan (hanya barangan kering dan bermasa; sahaja dibenarkan untuk disalurkan);  
ii. Bilangan penerima;  
iii. Lokasi pengagihan;  
iv. Jadwal penghantaran.
- 02**  
JKMM/PMKD mendaftarkan NGO dengan melengkapkan Borang JKMM NGO PKP-1.
- 03**  
Pegawai JKMM/PMKD hendaklah memastikan NGO mematuhi Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) iaitu:  
i. Memeriksa suhu badan;  
ii. Memakai topeng muka;  
iii. Langkah berasingan langkah;  
iv. Membawa hand sanitizer;  
v. Menjaga jarak sosial (social distancing) iaitu 1 meter antara individu;  
vi. Terhad kepada 2 orang sahaja daripada NGO berkaitan.
- 04**  
Pegawai RELA dan APM atau agensi yang berkaitan akan mengiktirafkan NGO bagi hujian tersebut dan disalurkan oleh JKMM.

Sila rujuk [www.jkmm.gov.my](http://www.jkmm.gov.my) untuk mendapatkan maklumat lanjut.



# COVID-19

## NASIHAT UNTUK ORANG AWAM BERKUNJUNG KE PASAR RAYA

- ✓ Sentiasa memakai topeng muka
- ✓ Gunakan pembasmi kuman tangan yang disediakan oleh pasar raya
- ✓ Amalkan etika batuk dan bersin yang betul
- ✓ Membeli dalam waktu yang singkat untuk barang keperluan sahaja
- ✓ Elak menyentuh muka
- ✓ Jarakkan diri sejauh 1 meter sekiranya bergejala atau nampak orang bergejala
- ✓ Disarankan menggunakan aplikasi e-wallet untuk pembayaran
- ✓ Elak bersesak di kaunter pembayaran
- ✓ Beredar dengan segera

Pesanan khidmat masyarakat ini dibawakan khas oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

#WECARE #STAYATHOME

# Tips JAGA DIRI di Rumah Ketika PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Amalkan kebersihan diri. Kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau **hand sanitizer**.
- 2 Elakkan tempat tumpuan orang ramai. Jarakkan diri sekurang-kurangnya **1 meter** daripada orang yang bergejala.
- 3 Duduk di rumah dan sentiasa patuh pada arahan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.
- 4 Sentiasa Menggunakan Topeng muka (**Face Mask**) Ketika Keluar Dari Rumah.

Pesanan khidmat masyarakat ini dibawakan khas oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia

#wecare #stayathome

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
1 APRIL 2020 - 14 APRIL 2020

## SALAH SATU UBAT YANG MAMPU MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19 ADALAH:

### DUDUK RUMAH

#### KEBAIKAN UTAMA

- ✓ Luangkan masa bersama keluarga tersayang.
- ✓ Ukhwah dengan keluarga semakin baik.
- ✓ Dapat melakukan aktiviti berfaedah bersama keluarga.

Rakyat Malaysia Hebat

Sentiasa Berdoa

Patuh Arahan

Sumber: Majlis Keselamatan Negara

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

BERSAMA KITA CEGAH COVID-19

## BERSAMA KITA PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN #kitamestimenang

Duduk di dalam rumah bersama keluarga anda. Amalkan tahap kebersihan yang optimum.

Kerap basuh tangan dengan air dan sabun. Patuhi Perintah Kawalan Pergerakan.

Berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas. Amalkan penjarakkan sosial dari orang sekeliling demi mengelakkan jangkitan COVID-19.

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

#STOPCOVID19 #STAYHOME #STAYSAFE



**POWER OF NGO**

**PENGHARGAAN**  
kepada semua NGO atas  
**Jasa dan Sumbangan**

"Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan,  
(Surah Al-Insyirah Ayat 5)"

"We make a living by what we get ...  
but we make a life by what we give  
(Winston Churchill)"

Sambil menyumbang, sama-sama kita mengambil langkah pencegahan COVID-19.

#staysafe #kekalselamat #masyarakatbersatuan #kitajagakita

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

#wecare #stayathome

**YOU'RE NOT STUCK AT HOME**

**YOU'RE SAFE AT HOME**

#wecare #stayathome #stopCOVID-19

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

**Amalan Baik BEKERJA DARI RUMAH**

- 1 KEKAL BERHUBUNG
- 2 SESI PERKONGSIAN ILMU
- 3 SENTIASA SEMAK EMEL DAN WHATSAPP SETIAP HARI
- 4 PERHUBUNGAN SECARA MAYA (ONLINE MEETING)
- 5 SENTIASA PEKA DENGAN KESEHATAN MAKLUMAT

#wecare #stayathome

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

**KAEDAH PENYALURAN SUMBANGAN NGO SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 3**  
15 APRIL 2020-28 APRIL 2020

- 1 NGO berorientasi kebijakan perlu mendaftar di JKMN/PKMD terdekat sehari sebelum menyalurkan bantuan (hanya barangan kering dan bermasak dibenarkan).
- 2 NGO perlu mematuhi Arahan MKN dan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342):
  - \* Memeriksa suhu badan
  - \* Memakai topeng muka
  - \* Lengkap bersarung tangan
  - \* Membawa hand sanitizer
  - \* Menjaga jarak sosial (1 Meter)
  - \* Turut 2 orang daripada setiap NGO
- 3 Pegawai RELA dan APM atau agensi berkaitan akan mengiringi NGO dan diselaras oleh JKMD.

"Keselamatan Laki Laki" *NGU Turut Ditamatkan*

#wecare #stayathome #stayCOVID-19

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

SIDANG MEDIA OLEH DATUK SERI ISMAIL SAGBI BRANGSI WENTERI KANAN (KESELAMATAN) 17 APRIL 2020

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

**Kekalkan Jarak Sosial Ketika Di Tempat Awam**

#KITAJAGAKITA #STOPCOVID19 #STAYHOME #STAYSAFE

**Tatacara Mengadakan Sebarang Aktiviti & Kerja Amat Semasa TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 3**

PERTUBUHAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

MENDAPATKAN KEBENARAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKKN)

MEMAKLUMKAN BALAI POLIS BERDEKATAN (PDRM)

AGIHAN SUMBANGAN OLEH JKMD, RELA, APM DAN WAKIL NGO

#stayathome #wecare #stayCOVID-19

PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH  
**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

SIDANG MEDIA OLEH DATUK SERI ISMAIL SAGBI BRANGSI WENTERI KANAN (KESELAMATAN) 18 APRIL 2020



## Jarak Sosial Di Tempat Kerja

- Tingkatkan udara dengan membuka tingkap
- Bekerja dari rumah atau lakukan giliran bekerja secara berjadual
- Pastikan jarak sekurang-kurangnya 1 meter semasa makan.
- Elakkan berkongsi makan ditempat kerja
- Nilai risiko perjalanan pekerja yang berurusan di luar pejabat
- Tingkatkan saringan kesihatan dan kebersihan pendapati makanan dan kontak mereka

- Polisi tidak bersalaman
- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul
- Sediakan *hand sanitizer* di pintu masuk
- Sentiasa beri peringatan penggunaan *hand sanitizer*
- Tangguh mesyuarat dan acara berskala besar
- Pekerja yang sakit mesti berada di rumah
- Sentiasa disinfeksi permukaan yang kerap disentuh.

**PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT INI DIBAWAKAN KHAS OLEH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA** #wecare #stayathome

# Ramadhan KAREEM

*Gunakan Peluang Ini Untuk Banyakkan Beribadah Di Rumah*

**TERUSKAN PATUHI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN** bagi membendung penularan COVID-19 di kalangan ahli keluarga terutama golongan warga emas dan kanak-kanak.

- Elak daripada melakukan sebarang aktiviti kunjung mengunjung ke rumah rakan dan sanak saudara
- Elakkan perjalanan merentas negeri, daerah dan mukim tanpa urusan MUSTAHAK
- Jangan menghadiri perhimpunan besar-besaran termasuk majlis keagamaan dan majlis keraihan

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA** #stayathome #wecare #stopCOVID-19

## CEGAH COVID-19 AMALKAN NORMA BAHARU

**KERAP BASUH TANGAN** **PENJARAKAN SOSIAL** **GUNA PELTUP MUKA**

**ELAKKAN 3S**

- SESAK**: Elakkan berada di tempat yang sesak
- SEMPIT**: Elakkan berada di tempat sempit dan tertutup
- SEMBANG DEKAT**: Elakkan bersembang dekat-dekat

**PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT OLEH: JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

## COVID-19 PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19

# Amalkan 3W

- WASH (CUCI)**: Kerap cuci tangan dengan air dan sabun
- WEAR (PAKAI)**: Pakai penutup hidung dan mulut ketika bergejala
- WARN (AMARAN)**:
  - Elakkan bersalaman
  - Lakukan disinfeksi
  - Duduk rumah
  - Amalkan ketika batuk dan bersin
  - Dapatkan rawatan jika bergejala

**PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT OLEH: JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

## MEMPERKASAKAN PERANAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) DALAM KOMUNITI SEMASA DAN PASCA COVID-19

**Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar diseluruh negara telah memainkan peranan yang amat penting dalam membantu kerajaan dan komuniti semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.**

**PASCA COVID-19**

NGO di sesuatu kawasan / tempat perlu menasihati dan memastikan ahli komuniti setempat untuk memahami dan mematuhi dengan ketat semua peraturan dan arahan semesta yang telah dibuatkan oleh kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (1988) (AKA 342).

Peranan NGO dilihat semakin penting dalam membantu kerajaan dengan memberi penekanan kepada Society Engagement lalu memperkasakan peranan NGO dalam komuniti bagi mengahang penularan dan seterusnya menghentikan rantaian COVID-19 di negara kita. Ini memandangkan ahli ahli NGO berada dalam komuniti setempat dan membolehkan mereka membantu dalam pelaksanaan dan penerapan norma baharu dengan lebih berkesan.

**PERINGATAN PENTING**

1. DILARANG mengadakan sebarang perhimpunan
2. Elakkan berada di tempat tertutup seperti bilik atau bilik tidur
3. Mengutamakan penggunaan teknologi dalam berurusan seperti perniagaan, peribadikan, menyuarat dan sebagainya
4. Amalan tidak bersalaman
5. Mengamalkan penjagaan sosial sekurang-kurangnya 1 meter
6. Kerap membasuh tangan menggunakan sabun / hand sanitizer
7. Memakai peltup muka
8. Melakukan aktiviti sukan/olahraga di tempat yang jauh (jika perlu)
9. Sentiasa menggunakan penutup muka ketika bersin dan batuk
10. Terus mendapatkan rawatan sekiranya mengalami simptom yang bergejala
11. Mengamalkan semua tindakan pencegahan yang ditetapkan oleh kerajaan

**Pesanan Khidmat Masyarakat ini disediakan khas oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia** #stayathome #wecare #stopCOVID-19

## PERINGATAN BERSAMA UNTUK SEMUA WARGA JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

# CEGAH COVID-19

Coronavirus (CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV Dan SARS-CoV

**SIMPTOM-SIMPTOM**

- BATUK
- DEMAM
- SUKAR BERHAFAK
- SAKIT TRAK
- SAKIT KEPALA

**LANGKAH PENCEGAHAN**

- Menggunakan pembasuh tangan (*hand sanitizer*)
- Disarankan untuk kerap mencuci tangan
- Selalu menggunakan penutup mulut sekiranya ke tempat awam
- Tutupi mulut saat bersin/batuk
- Hindari kontak langsung dengan orang yang sedang mengalami gejala

**#wecare**